

'Kaji mereka'

Harian metro 9/08/2010 M/S 5

MPWIM syor kes haruan makan anak diselidiki secara saintifik

>>Oleh Faizatul Farlin Farush Khan

ffarlin@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Hukum lebih berat termasuk kaunseling intensif perlu diberikan kepada bapa yang merogol anak kandung bagi memahami mengapa mereka berbuat demikian supaya maklumat dapat digunakan membanteras gejala negatif itu.

Timbalan Pengerusi Majlis Perunding Wanita Islam Malaysia (MPWIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Prof Madya Datin Dr Noor Aziah Mohd Awal berkata, bapa ataupun saudara terdekat yang menjadikan ahli keluarga sendiri pemuas nafsu sebenarnya dalam kategori 'sakit mental'.

Beliau yang juga Pensvarah



DR NOOR AZIAH...tak setuju hukuman bunuh

Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, golongan itu sanggup berbuat apa saja untuk memuaskan nafsu masing-masing dan dengan itu kajian mendalam menentukan bentuk hukuman lebih berat perlu dijalankan.

"Bagaimanapun, saya kurang bersetuju dengan hu-



IMBAS...laporan Metro Ahad, semalam.

kuman bunuh seperti yang diutarakan Pengerusi DAP, Karpal Singh.

"Ini kerana saya berpendapat hukuman itu ada kebaikan dan keburukannya. Kita bimbang sekiranya hukuman itu diluluskan, perogol mengambil jalan mudah dengan membunuh saja mangsanya," katanya.

Beliau merujuk laporan muka depan Metro Ahad

semalam, mengenai penderitaan tiga beradik perempuan dikenali sebagai Nana, Mimi dan Meme, berusia antara 11 hingga 14 tahun, yang dijadikan pemuas nafsu ayah kandung sendiri sejak awal tahun ini.

Elaki berusia 43 tahun dan bekerja sebagai petani itu berpisah dengan isterinya lima tahun lalu, tinggal bersama tiga anak perempuan dan dipercayai merogol mangsa.

Kejadian menimpa Mimi dan dua adik perempuannya terbongkar apabila akhbar mendedahkan perangai lelaki itu yang melarikan diri ke hutan selepas perbuatannya didedah.

Bagaimanapun, lelaki itu ditahan pihak berkuasa apabila kembali ke rumah akibat kelaparan beberapa hari kemudian.